

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK WEE JECK SENG  
TARIKH : 16 JUN 2014  
SOALAN :**

**YB Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]** minta **Kementerian Kesihatan** menyatakan sejauh manakah rakyat menunjukkan komitmen dan tanggungjawab dalam memerangi denggi dan apakah tahap pendidikan dan kesedaran di kalangan rakyat untuk menjaga kebersihan yang dapat membantu menangani masalah ini dengan efektif.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Komitmen dan tanggungjawab rakyat dalam memerangi denggi dapat diukur melalui inisiatif usaha pencegahan dan kawalan denggi yang mereka laksanakan. Secara spesifiknya, komitmen mereka dalam menangani masalah wabak denggi dapat kita perhatikan melalui:

- i. Penyertaan dalam aktiviti gotong royong yang dilaksanakan;
- ii. Penglibatan dalam menubuhkan pasukan COMBI;
- iii. Kerjasama mendapatkan rawatan awal ke klinik apabila demam;  
dan
- iv. Kerjasama membenarkan pemeriksaan jentik-jentik dibuat di premis mereka.

Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan komitmen melalui aktiviti cari dan musnah tempat-tempat pembiakan yang dianjurkan oleh komuniti sama ada yang berskala besar atau kecil. Pada tahun 2013, didapati sebanyak 2,317 aktiviti gotong royong dilaksanakan di lokaliti-lokaliti wabak yang membabitkan penyertaan seramai 70,037 orang. Manakala sehingga pertengahan Februari tahun ini, sebanyak 776 aktiviti gotong royong telah dijalankan.

Selain itu, komitmen rakyat jelas melalui penglibatan mereka dalam menubuhkan pasukan COMBI bagi mengukuhkan program pencegahan dan kawalan denggi. Pelaksanaan program ini oleh komuniti telah menunjukkan beberapa kejayaan jika ia diamalkan secara berterusan dalam kehidupan masyarakat khususnya COMBI yang mempunyai kepimpinan yang tinggi. Sehingga Mei 2014, terdapat sebanyak 2,670 pasukan COMBI di seluruh negara.

Di samping itu, kerjasama rakyat untuk mendapatkan rawatan awal sekiranya demam juga satu lagi bukti komitmen mereka dalam pencegahan denggi. Jumlah kehadiran ke klinik dan hospital untuk mendapatkan rawatan telah meningkat dengan drastik pada awal bulan Februari hingga April lalu. Ini juga telah menyebabkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memanjangkan masa operasi beberapa buah klinik kesihatan di lokaliti-lokaliti wabak. Begitu juga dengan kerjasama baik masyarakat yang membenarkan pemeriksaan jentik-jentik dijalankan di premis mereka terutamanya di lokaliti-lokaliti wabak. Ini jelas membuktikan komitmen tinggi mereka untuk sama-sama memerangi denggi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Walau bagaimanapun, komitmen dan penyertaan komuniti ini adalah berbeza mengikut lokasi. Bagi kawasan di mana penyertaan masyarakat dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi yang aktif dan kepimpinan yang tinggi, ianya dapat menurunkan kes denggi di kawasan tersebut. Sebaliknya, bagi kawasan di mana masyarakat kurang mengambil kisah berkaitan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi, kes yang dilaporkan adalah tinggi.

Manakala dari segi pengetahuan, rakyat sememangnya mempunyai pengetahuan umum tentang kebersihan dan kepentingannya. Namun mereka masih kurang mengetahui maklumat spesifik seperti kaitan sampah dan pembiakan nyamuk, cara melupus sampah dengan sempurna, cara penyimpanan barangan atau peralatan lama yang masih boleh digunakan, kekerapan tindakan dan cara memohon khidmat pihak bertanggungjawab. Selaras dengan itu, usaha pendidikan kesihatan berkaitan maklumat spesifik tersebut perlu diteruskan dan ditingkatkan oleh semua pihak bagi menjamin komitmen yang berterusan di kalangan masyarakat.